

12/12/1998

Penyelenggaraan kapal mewah dikaji

MARANG, Jumaat - Kementerian Pertahanan akan mengkaji cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kursus penyelenggaraan kapal mewah dan penyelenggaraan peralatan terhadap anggota tentera yang akan bersara.

Menterinya, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata bidang penyelenggaraan kapal mewah masih dikuasai orang Eropah sedangkan ia boleh menjadi sektor yang menguntungkan.

"Jika seorang anggota tentera yang mempunyai kemahiran berkenaan apabila mereka berhenti boleh memasuki sektor berkenaan yang menawarkan gaji yang lumayan," katanya.

Penyelenggaraan kapal mewah berlainan dengan penyelenggaraan kapal biasa kerana ia membabitkan teknologi moden serta kesempurnaan dalam semua peralatan yang digunakan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat dekat sini beliau berkata, budaya penyelenggaraan peralatan ke tahap maksimum perlu ditingkatkan di kalangan anggota tentera.

Beliau puas hati terhadap penyelenggaraan yang dijalankan anggota tentera ke atas kapal yang berusia 54 tahun tetapi masih boleh digunakan.

"Budaya ini bukan saja perlu dipertingkatkan di kalangan kakitangan kerajaan tetapi swasta, kerana selain menjimatkan ia dapat meningkatkan kemahiran," katanya.

Mengenai pertandingan merebut jawatan dalam parti tahun depan, Syed Hamid berkata, dia tidak menolak kemungkinan akan bertanding tetapi masih tidak dapat menetapkan jawatan.

(END)